



TEKS UCAPAN

**YBHG. PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL
NAIB CANSOLOR UTM**

WEBINAR WANITA MUSLIM SERANTAU

5 APRIL 2021 (ISNIN)

10.00 pagi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Selamat pagi

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama)

Yang Berbahagia Ustaz Nasrudin Hassan

Yang Dipertua

Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM)

Para panel jemputan

Peserta-peserta Webinar Wanita Muslim Serantau

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Setinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Webinar Wanita Muslim Serantau anjuran bersama Universiti Teknologi Malaysia dengan Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia YADIM.

Sejajar dengan Dasar Wanita Negara yang ingin mewujudkan masyarakat yang maju, dinamik, berdaya saing serta penyayang, adil dan saksama, Program Webinar Wanita Muslim Serantau dilihat sangat sesuai dilaksanakan bagi membincangkan peranan besar wanita terhadap keluarga, masyarakat dan negara. Disamping itu, program ini juga mampu menjadi wadah utama bagi menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat terutamanya golongan wanita memahami peranan wanita, isu-isu wanita, cabaran dan penyelesaiannya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Program Webinar Wanita Muslim Serantau ini bukan sahaja melibatkan tokoh-tokoh dalam negara tetapi juga melibatkan tokoh-tokoh daripada Indonesia dan Brunei. Jaringan

kepakaran dari pelbagai negara, pelbagai peminat dan institusi, kita himpunkan di dalam bentuk platform maya bagi berkongsi kepakaran, pandangan dan idea bagi memperkasakan kedudukan wanita Islam di rantau ini.

Selain daripada itu, program webinar ini juga menggalakkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam pembangunan dan kebajikan wanita seperti pembuat dasar, pentadbir akademik, para pendidik, ahli akademik dan NGO yang membuat penyelidikan bagi berkongsi hasil penyelidikan mereka dengan menghantar kertas kerja untuk peluang penerbitan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagaimana yang diatur pada hari yang berbahagia ini, saya amat berbesar hati di atas penyertaan Tuan-Tuan dan Puan- Puan dalam program webinar ini dan berharap program yang dijalankan selama dua hari ini iaitu pada 5 dan 6 April 2021 mendapat sambutan yang menggalakan dan berterusan pada setiap sesi.

Rebutlah peluang ini untuk menimba ilmu sebagai bekal kehidupan kita bagi meneliti peranan wanita dalam semua aspek kehidupan serta bersama-sama menyebarkan ilmu yang diperolehi selepas ini kepada orang lain.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UTM dengan penuh kesyukuran merakamkan jutaan terima kasih kepada YADIM kerana sudi bekerjasama dengan kami menganjurkan program Webinar Wanita Muslim Serantau ini. Insyallah, saya harap kerjasama UTM dengan YADIM akan berterusan dalam memartabatkan ummah demi agama kita.

Pada kesempatan ini saya sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada dan semua panel jemputan di atas perkongsian kepakaran dan juga kepada semua peserta program Webinar Wanita Muslim Serantau. Semoga program ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT menjadi landasan kepada jalinan kerjasama yang akrab di antara UTM dengan YADIM.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيقُ والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته